

## 4 sekeluarga dibunuh angkara syabu



Toh Hock Choon



Tan Saw Sim



Chung Wah Thong



Ah Bee

BH  
14/7/2016  
mls 20

→ Penagih dadah lepas 11 das  
tembakan di hadapan pekerja

Oleh **Fatin Fazlina Yaakob**  
dan **Rudy Syareme**  
**Sheriffudin**  
bhnews@bh.com.my

### Bayan Lepas


**S**uspek kes bunuh empat sekeluarga di kilang memproses ayam di Jalan Baru, Batu Maung di sini, semalam, dipercayai mengalami masalah ketagihan syabu sehingga menyebabkan dia sanggup menembak ahli keluarganya sendiri.

pat dua mangsa tidur di bilik tingkat bawah, manakala dua lagi mangsa berada di tingkat atas rumah sebelum berlaku pertengkaran antara mereka apabila mangsa enggan memberikan suspek wang.

“Suspek yang berang kemudian melepaskan tembakan ke arah mangsa sebelum melarikan diri menaiki kenderaan 4WD milik pengusaha kilang yang digunakannya bagi menghantar ayam proses,” katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

### Infografik

## 4 sekeluarga maut ditembak



→ Suspek 30-an, mempunyai beberapa rekod jenayah lampau dan ketagihan dadah.

Dalam kejadian pada jam 2.55 pagi itu, suspek, Chung Chun Wah, 32, dikatakan bertengkar dengan ibunya, Tan Saw Sim, 55, dan pasangan ibunya yang juga pemilik kilang, Toh Hock Choon, 50, selepas mereka enggan memberinya wang bagi membeli dadah.

Suspek yang mempunyai beberapa rekod jenayah lampau kemudian bertindak melepaskan 11 das tembakan dengan enam peluru mengenai ibunya dan Hock Choon; serta adiknya, Chung Wah Thong, 27, dan anak Wah Thong yang berusia dua tahun dikenali sebagai Ah Bee.

Kejadian itu dilakukannya di hadapan lebih 10 pekerja kilang yang ketika itu sedang memproses ayam, sebelum dia bertindak melarikan diri menaiki kenderaan pacuan empat roda (4WD) jenis Toyota Hilux yang kemudian ditemui polis di Bukit Mertajam.

### Lepas tembakan jarak dekat

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Pulau Pinang, Datuk Razaruddin Husain, berkata rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan kilang mendapati suspek masuk ke dalam rumah kontena sebelum melepaskan tembakan dari jarak dekat.

“Ketika kejadian berlaku terda-

### Anak angkat

Difahamkan, Hock Choon berkahwin bersama Saw Sim secara adat dan mengambil suspek dan adiknya sebagai anak angkat, termasuk memberi mereka tugas membantu menguruskan perniagaan memproses dan membekalkan ayam sejak lebih 10 tahun lalu.

Razaruddin berkata, polis yakin suspek masih berada di negeri ini dan usaha memburunya sedang giat dilakukan dan yakin dia akan dapat ditahan dalam tempoh terdekat.

Katanya, semua mayat dibawa ke Hospital Pulau Pinang (HPP) bagi proses bedah siasat dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Sementara itu, rakan rapat dan saudara empat sekeluarga yang menjadi mangsa bunuh di Batu Maung semalam, terkejut dan tidak menyangka anak kedua salah seorang mangsa sanggup membunuh ahli keluarganya sendiri.

Nordin Razam, 53, yang mengenali keluarga itu sejak 17 tahun lalu, berkata suspek, Chung Chun Wah, 32, atau dipanggil Ah Wah, selalu berkongsi masalah dan meminta pendapatnya sekiranya berhadapan perkara yang tidak dapat diselesaikan.

### 4 sekeluarga mati ditembak

- Pistol semi automatik
- Peluru bersaiz 9 mm
- 11 tembakan
- 6 das tembakan kena pada dahi, mata, ketihi dan badan mangsa

Info

Keratan rentas rumah kontena

### Kedudukan mayat

- A Toh Hock Choon  
50 tahun
- B Tan Saw Sim  
55 tahun
- C Ah Bee  
2 tahun
- D Chung Wah  
27 tahun
- ⌚ Waktu kejadian  
2.55 pagi



→ Suspek melepaskan 11 das tembakan dengan sepucuk pistol

→ Suspek melarikan diri dengan menaiki kenderaan pacuan 4 roda milik pengusaha kilang terbabit

Deen : Grafik BH

[FOTO RAMDZAN MASLAM/BH]



Anggota polis forensik menjalankan siasatan di tempat kejadian kes bunuh empat sekeluarga di kilang memproses ayam di Batu Maung, Bayan Lepas, Pulau Pinang, semalam.